

29/01/2001

Usaha penyatuan tiada muslihat

KOTA KINABALU, Ahad - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, menafikan dakwaan pemimpin Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bahawa Umno mempunyai muslihat tertentu dalam memulakan isu penyatuan Melayu.

Beliau berkata, Umno serius dan tidak ada muslihat atau pemikiran lain apabila mengambil inisiatif berkenaan.

"Kita serius dalam hal atau perkara ini, tidak ada pemikiran atau muslihat lain dalam memulakan isu penyatuan Melayu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini.

Khalil mengulas kenyataan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohamad Nor di Terengganu semalam, yang mendakwa Umno mungkin mempunyai muslihat untuk mengadakan perbincangan dengan parti pembangkang khususnya Pas.

Isu penyatuan Melayu timbul apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan supaya Umno, Pas dan Keadilan mengadakan pertemuan untuk membincangkan isu perpaduan Melayu, baru-baru ini.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata, kelewatan untuk mengadakan perjumpaan antara pemimpin Umno dan Pas bukan sesuatu yang disengajakan.

"Kelewatan perjumpaan itu disebabkan Setiausaha Agung Pas, kini berada di luar negara. Sebaik saja beliau balik ke tanah air, kita akan adakan perbincangan secepat mungkin," katanya.

Khalil berkata, beliau juga ada menghubungi Setiausaha Agung Pas untuk membincangkan perkara itu walaupun ketika ini beliau berada di luar negara.

"Sebagai Setiausaha Agung Umno yang diamanahkan untuk mengatur pertemuan itu, saya sudah menghubunginya beberapa kali.

"Ini menunjukkan kesungguhan Umno untuk menyatupadukan kaum Melayu di negara ini," katanya.

(END)